

Mengintegrasikan Masyarakat Kampus Melalui Pendidikan Luar

Integrating Campus Community Through Outdoor Education

Jaffry Zakaria

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Abstrak

Peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha yang lebih serius diberikan penumpuan dalam menguruskan perbezaan serta sensitiviti yang terdapat dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Ramai pakar berpendapat bahawa integrasi juga dapat dibina melalui aktiviti pendidikan luar. Berdasarkan pendapat ini, penulis akan cuba mengupas dan membincangkan hubungan aktiviti pendidikan luar dalam mengintegrasikan masyarakat kampus. Perbincangan ini akan menyentuh tentang isu-isu terkini dan pelbagai kajian terdahulu serta pengalaman peribadi penulis sebagai penggiat aktiviti pendidikan luar.

Kata kunci pendidikan luar, integrasi, pembelajaran pengalaman

Abstract

The racial riot incident on 13th of May 1969 had opened the eyes of many people to realize on how important serious efforts to be focused in managing the sensitivity and the differences in multiracial society in countries like Malaysia. Many experts believe that integration can be build through outdoor education activities. The author will try to unravel and discuss on the outdoor education activity relations and integration campus community. This discussion will cover the latest issues and a variety of previous studies and personal experiences of the author as an outdoor education activist.

Keywords outdoor education, integration, experiential learning

PENGENALAN

Integrasi merupakan satu proses yang dinamik untuk merapatkan jurang sesama masyarakat kampus. Masyarakat kampus pada masa sekarang lebih suka hidup berpuak-puak atau mengikut kumpulan masing-masing. Fenomena ini jika dibiarkan berlarutan akan menambahkan lagi jurang yang ada dan sekaligus akan mengundang kesan negatif terhadap integrasi antara mahasiswa. Aktiviti pendidikan luar dapat membawa kepada perubahan tingkahlaku yang berpanjangan. Integrasi sememangnya penting dalam memupuk dan memelihara masyarakat kampus agar lebih bersatu padu dalam merelisasikan harapan negara.

Malaysia dalam era menuju negara maju, tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonomi semata-mata tetapi perlu merangkumi semua aspek. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan integrasi sosial, ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian selain mempunyai rasa bangga dan yakin akan bangsa sendiri. Mahasiswa merupakan mereka yang akan mencorakkan masa depan negara agar lebih maju dan harmoni dan jika integrasi tidak dapat dibina pada masa sekarang mungkin matlamat Wawasan 2020 akan hancur dan berlalu begitu sahaja.

Pendidikan Luar di Malaysia

Pendidikan luar di Malaysia sememangnya amat aktif dengan aktiviti yang dijalankan sama ada setiap hujung minggu atau pun semasa cuti persekolahan. Pendidikan luar dijadikan sebagai satu medium untuk masyarakat mendekati diri dengan alam. Perkara ini terbukti apabila pendidikan luar mendapat tempat dalam ruang pendidikan di Malaysia. Sebagai contoh, Maktab Perguruan Ilmu Khas mengadakan pengkhususan pendidikan jasmani kepada guru-guru pelatih pada tahun 1960-an. Terdapat mata pelajaran pendidikan luar yang diajar kepada pelatih apabila aktiviti perkhemahan dimasukkan dalam sukatan pelajarannya (Abdul Alwi, 1992).

Seterusnya kegiatan pendidikan luar berkembang dalam kalangan pelatih maktab perguruan di seluruh Malaysia pada tahun-tahun berikutnya. Pada akhir tahun 1970-an, kursus pendidikan luar telah mula diperkenalkan di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), apabila Program Pendidikan Jasmani dan Kesihatan diwujudkan di Fakulti Pengajian Pendidikan (Abdul Alwi, 1992).

Disekitar tahun 1970-an, pendidikan luar mula diaplikasikan di sekolah melalui kegiatan pendidikan jasmani dan kegiatan ko-kurikulum. Namun begitu kegiatan ini kurang menyerlah disebabkan kurangnya pengalaman dan pengetahuan di kalangan guru dalam mengendalikan perkhemahan yang bermakna dan memberi manfaat kepada pelajar (Kamal, 1997). Ekoran dari itu, pada tahun 1990-an kesedaran tentang kepentingan pendidikan luar terus meningkat di kebanyakan universiti yang menjalankan Program Pendidikan Jasmani atau Sains Sukan.

Apa itu Pendidikan Luar?

Pada masa kini pelbagai penulisan menegaskan yang konsep pendidikan luar adalah terdiri daripada aktiviti yang mencabar, aktiviti fizikal, aktiviti mengembara atau aktiviti persekitaran (Ford, 2005). Pendidikan luar adalah proses yang berasaskan pada aktiviti berstruktur dengan menggunakan alam semulajadi atau persekitaran tiruan untuk menentukan kekuatan individu atau intrapersonal atau interpersonal kumpulan (Priest, 2002).

Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang merentasi pelbagai mata pelajaran dan dijalankan samada di dalam atau di luar bilik kuliah (Ford, 2005). Ia merangkumi banyak subjek yang berkaitan secara langsung dengan alam persekitaran dan situasi hidup sebenar. Pendidikan luar menumpukan kepada penggunaan teknik pembelajaran secara 'hands-on', untuk mendapat pengetahuan. Buku bacaan perlu disokong dengan pengalaman agar pelajar dapat memahami isi kandungannya dengan lebih mudah.

Pendidikan Luar merupakan bidang pendidikan yang amat unik kerana menggabungkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teori dan praktikal di alam sekitar. Whittaker (1983) menyatakan pendidikan luar melibatkan aktiviti-aktiviti yang bersifat mencari ilmu secara tidak langsung seperti belayar, 'abseiling', berkayak, mendaki dan 'orienteering' di mana kesemuanya melibatkan alam semula jadi seperti air, angin, batu, hutan dan sebagainya. Manakala Priest (1986) mendefinisikan pendidikan luar sebagai suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan pengalaman nyata *experiential learning* dan secara amnya dijalankan di luar bilik darjah. Matlamat utama bidang ini ialah membentuk perubahan tingkahlaku yang berpanjangan melalui pengalaman sepanjang hayat.



Gambar 1 Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam pendidikan luar

Penglibatan manusia dengan alam semula jadi tidak dapat dielakkan. Dalam proses pembelajaran melalui pendidikan luar, manusia mempelajari tentang alam semula jadi dan menghormati serta menyesuaikan diri demi mendapat kebaikan daripada aspek pembelajaran melalui pengalaman. Law (1998) menegaskan bahawa tiga fokus utama pendidikan luar ialah alam sekitar, pendidikan rekreasi dan pembinaan insan.

Mengapa Pendidikan Luar Dapat Mewujudkan Integrasi?

i. Kerjasama Kumpulan

Setiap aktiviti yang dijalankan adalah berasaskan kepada kumpulan kecil yang dibahagikan mengikut kesesuaian. Di dalam kumpulan tersebut mereka akan bekerjasama menyelesaikan tugas yang telah diterima dengan berpandukan kepada arahan yang telah ditetapkan. Tugas tersebut sama ada dalam bentuk fizikal atau mental mesti diselesaikan bersama-sama. Masing-masing akan memberi idea-idea dan berbincang sesama mereka untuk tugas tersebut. Ini secara tidak langsung akan berlaku pemupukan kerjasama dan integrasi dalam kumpulan dapat lebih dieratkan. Pendidikan luar dan sukan mungkin dapat memainkan peranan yang besar dalam membentuk integrasi kumpulan (Boyle, 2003).

ii. Pergaulan Dengan Teman Baru

Dalam aktiviti yang dijalankan, peserta akan dipecahkan kepada kumpulan yang terdiri daripada bukan rakannya. Ini adalah kerana untuk mengelakkan mereka berpuak-puak atau istilah kampus yang sering terdengar iaitu 'click'. Hammerman dan Hammerman (2001), menyatakan aktiviti pendidikan luar seperti perkhemahan turut mewujudkan hubungan yang lebih erat antara pelajar dan guru. Ini adalah disebabkan suasana kelas (pendidikan luar), yang membolehkan wujudnya interaksi antara keduanya. Selain itu menurut beliau, sikap berdikari dapat dikembangkan apabila pelajar merasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri.

Melalui cara ini mereka akan berusaha untuk mengenali antara satu sama lain dalam masa menyelesaikan tugas yang diarahkan dan secara tidak langsung interaksi akan berlaku serta mewujudkan pergaulan yang lebih erat sesama mereka. Sesetengah kajian mencadangkan program pendidikan luar sebagai 'kenderaan' bagi mengukuhkan hubungan sosial peserta dan kemahiran interpersonal (Garst, Scheider & Baker, 2001).

iii. Menarik dan Menyeronokkan

Aktiviti seperti 'team building' sememangnya mempunyai nilai tersendiri dalam mengukuhkan dan mengeratkan hubungan kumpulan. Glass dan Benhoff (2002), program yang mencabar telah direka bentuk struktur dan pengalaman supaya mampu memperkembangkan kesepaduan dan integrasi kumpulan yang mana memerlukan sesebuah kumpulan bekerjasama bagi menyelesaikan sesuatu aktiviti atau tugas.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna aktiviti lain tidak bernilai dan tidak menyumbang terhadap integrasi kumpulan. Aktiviti 'tubing' dan 'trekking' pada asasnya mempunyai nilai yang sama dan begitu juga dengan 'orienteering'. Aktiviti ini menjurus kepada bentuk permainan yang menyeronokkan manakala aktiviti lain kurang menjurus kepada permainan dan memenatkan sahaja. Kesemua aktiviti yang diselitkan dalam aktiviti pendidikan luar sememangnya mempunyai nilai yang tersendiri dalam menarik dan mengintegrasikan mahasiswa.

Bagaimana Pendidikan Luar Dapat Mewujudkan Integrasi?


Matlamat pendidikan luar adalah untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal, emosi dan sosial yang sihat serta melahirkan warganegara yang berpengetahuan luas, berdisiplin dan bersepadu. Oleh itu, pendidikan luar haruslah mempunyai serta mengandungi unsur-unsur pendidikan fizikal, etika dan perpaduan. Pendidikan luar dalam konteks ini bertujuan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran dalam persekitaran menarik dan proaktif untuk masyarakat kampus.

Objektif pendidikan luar adalah untuk membina dan memperkayakan individu dalam domain psikomotor, kognitif dan afektif. Ia juga bertujuan menghasilkan tahap kemahiran, pengetahuan, keterampilan dan minat terhadap aktiviti pendidikan luar. Selain itu, pendidikan luar bertujuan memupuk dan menerapkan amalan nilai-nilai murni, menghargai kepentingan dan kejadian alam semulajadi serta membina kecerdasan fizikal, daya juang dan daya saing, kepimpinan serta sahsiah diri dan kumpulan (Abu Bakar Sidek, 2004).

Pelbagai aktiviti dijalankan dalam aktiviti pendidikan luar bertujuan untuk merapatkan hubungan dan meningkatkan integrasi dikalangan ahli kumpulan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah *trekking*. Dalam aktiviti ini mahasiswa didedahkan dengan pengenalan terhadap flora dan fauna. Mereka akan meredah hutan dan disamping itu mengenali tumbuh-tumbuhan liar di sepanjang perjalanan. Selain itu, aktiviti seperti *tubing* turut dilaksanakan. Mereka akan berhanyut melalui sungai dan menghayati keindahan alam sekeliling. Manakala dalam aktiviti *team building* pula, menerapkan semangat saling bantu-membantu bagi meningkatkan semangat integrasi sesama mereka.

Melalui pelbagai aktiviti dan pelbagai pengalaman yang dilalui, aktiviti pendidikan luar mampu untuk meningkatkan integrasi dan kesepaduan antara masyarakat kampus. Mereka juga turut didedahkan dengan aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) disamping penyelesaian masalah diterapkan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Kesemua aktiviti ini dipercayai mampu meningkatkan integrasi sesama mereka secara tidak langsung.

Merujuk kepada model Teori Penglibatan dalam pendidikan luar, ia menjelaskan faktor pengaruh seperti demografi dan pengalaman lalu dalam pendidikan luar berhubung kait dengan pengetahuan individu tentang alam semulajadi dan kehidupan serta peredaran didalamnya. Faktor ini bekerjasama dan mendorong perkembangan sikap terhadap integrasi kumpulan.



Rajah 1 Model Teori Penglibatan dalam pendidikan luar yang telah diubahsuai (Hanna, 1965)

Menurut model ini, sikap terhadap isu persekitaran mendorong pembentukan ingatan ke arah pendidikan luar dan penglibatan dalam persekitaran. Akhirnya ingatan akan dimanifestasikan melalui sikap dan perlakuan dalam integrasi kumpulan (Hanna, 1965).

Penutup

Masyarakat moden hari ini kagum dengan negara kita yang mampu hidup dikalangan masyarakat yang berbilang bangsa, tanpa tercetusnya masalah perkauman. Ini adalah kerana tahap perpaduan dan integrasi yang tinggi merupakan perencah utama bagi menukarkan sekumpulan masyarakat menjadi satu kumpulan (Cox, 1998). Walau bagaimanapun, integrasi tidak akan dapat dikekalkan sekiranya tiada usaha yang menyeluruh dalam mengintegrasikan masyarakat kampus pada masa sekarang. Jika ia dibiarkan bisanya akan semakin menular dan seterusnya akan menghancurkan integrasi sesama masyarakat kampus sendiri. Sehubungan dengan itu ramai pengkaji percaya pendidikan luar adalah satu medium yang berkesan bagi meningkatkan kesepaduan. Garst, Scheider, dan Baker (2001) mendapati persepsi diri remaja meningkat sejurus selepas melalui pengalaman pendidikan luar.

Oleh itu secara jelasnya aplikasi pendidikan luar dalam mengintegrasikan masyarakat kampus adalah satu medium terbaik untuk menyatupadukan kembali hubungan sesama mahasiswa. Secara tidak langsung negara akan lebih makmur, aman harmoni dan sejahtera tanpa ada sebarang sengketa dalam negara menuju era Wawasan 2020.

Rujukan

- Abu Bakar Sidek, M. I. (2004). *Sinopsis kursus Pendidikan Luar*. Tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak.
- Ahmad, A. I. (2003). *Pengurusan Ko-Kurikulum di sekolah-sekolah menengah zon Ampang, Daerah Hulu Langat Selangor*. Tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Abdul Alwi, A. R. (1992). *Panduan perkhemahan, simpulan dan pioneering untuk Pengakap dan Pandu Puteri*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Berita Harian. 8 Ogos 2005.
- Boyle, I. (2003). *Outdoor educator as agent of the state. Paper presented at 13th National Outdoor Education Conference Proceedings Adelaide South Australia*. Outdoor Educator of South Australia.
- Cox, R. H. (1998). *Sport Psychology concept and application*. United States of America: Brown and Benchmark.
- Ford, P.M. (2005). *Principles and practise of outdoor environmental education*. New York: John Wiley And Sons.
- Garst, B., Scheider, I. & Baker, D. (2001). Outdoor adventure programme participation impacts on adolescent self-perception. *The Journal of Experiential Education*, 41.
- Glass, J. Scott., & Benschhoff J. M. (2002). Facilitating group cohesion among adolescents through challenge course experiences. *The Journal of Experiential Education*, 25 (2), 268.
- Hanna, G. (1995). Wilderness related environmental outcomes of adventure and ecology education programming. *Journal of Environmental Education*, 27 (1), 21–32.

- Hammerman, D. R., Hammerman, W. M., & hammerman, E. L. (2001). *Teaching in the outdoors*. Edisi Kelima. Illinois: Interstate Publishers inc
[Http://www.Parlimen.gov.my/transfer/Ringkasanperpaduan.pdf](http://www.Parlimen.gov.my/transfer/Ringkasanperpaduan.pdf)
- Jaffry Zakaria, Md Amin, M. T, Benderi Dasril. (2005). Kayak arus deras: Antara konflik dan kesejahteraan alam sekitar. *Kertas Kerja Pembentangan Persidangan Kebangsaan Kedua Universiti Kebangsaan Malaysia*, 671–674.
- Kamal, A. A. (1997). *Asas perkhemahan dan ikhtiar hidup*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti. Mazuki, M. Y. (2005). Kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan. Tesis. Tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Priest, S. (1986). Redefining outdoor education. A matter of many relationship. *Journal of Environmental Education*, 17 (3), 13–15.
- Shamsulkamar Shaari. (2002). Amalan kepimpinan di kalangan pentadbir sekolah dalam bidang sukan pada pandangan setiausaha sukan sekolah. Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak.
- Whitaker, U. (1983). Experiential learning for hearing impaired. *Journal of Experiential Education*, 5 (3), 31–38.